

Ruj. Kami: MQA.600-5/1/1 Jld. 83 (68)
Tarikh : 06 Januari 2023

Pengarah
Bahagian Perjawatan dan Organisasi
Jabatan Perkhidmatan Awam
Aras 8-10, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 W.P.PUTRAJAYA

Tuan,

PENETAPAN NILAI TARAF KELAYAKAN IJAZAH SARJANA MUDA BIDANG SAINS DI AMERIKA SYARIKAT

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Berdasarkan rekod pengiktirafan kelayakan luar negara, Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan (JTTPK) Bil. 52/1992 telah memutuskan bahawa graduan yang menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sastera, Sains Kemasyarakatan dan Sains Am daripada 234 buah universiti di Amerika Syarikat dengan mendapat sekurang-kurangnya Purata Nilai Gred Kumulatif 2.75 dinilai taraf setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda Kepujian.

3. Pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) telah membangkitkan isu kepada Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) mengenai graduan yang menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sains tidak dapat menyertai perkhidmatan kerajaan dalam skim yang memerlukan kelayakan nilai taraf 'Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian' kerana nilai taraf program bidang sains dari universiti dari Amerika Syarikat adalah 'Ijazah Sarjana Muda Kepujian' sahaja.

4. Perkara ini telah dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Pengiktirafan Kelayakan MQA bersama Pihak Berkuasa Melantik Bil.1/2022 yang bersidang pada 19 Ogos 2022 yang mana mesyuarat bersetuju untuk MQA membuat pengesahan nilai taraf sebenar kelayakan dari Amerika Syarikat berpandukan kepada *National Education Code* yang dipraktikkan di Malaysia dan negara-negara lain.

5. Berikut adalah cadangan daripada MQA berkenaan bidang pengajian yang dikategorikan sebagai bidang Sains yang utama seperti di Jadual 1. Namun begitu, NEC lain juga boleh dipertimbangkan pada masa akan datang sekiranya telah disemak dan disahkan di bawah bidang Sains.

Bil	Bidang Utama	NEC
1.	<i>Natural Sciences, Mathematics and Statistic</i>	05
2.	<i>Agricultural, Forestry, Fisheries and Veterinary</i>	08

Jadual 1: Senarai bidang dan NEC yang digunakan bagi penentuan nilai taraf sebenar kelayakan dari Amerika Syarikat

6. MQA juga akan membuat pernyataan tambahan mengenai perkara ini pada portal eSisraf bagi memudahkan urusan pelajar dan pihak berkepentingan. Graduan bidang sains yang memohon pekerjaan di sektor awam terutamanya yang berkaitan dengan skim perkhidmatan yang memerlukan pengesahan nilai taraf 'Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian' bolehlah membuat permohonan pengesahan pengiktirafan dengan MQA jika perlu.

7. Sekiranya pihak tuan mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Puan **Naziatul Ilyana Ilyas** di talian **03-86881965** atau emel naziatul@mqa.gov.my.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL"

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. DATO' DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)

s.k:

1. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengambilan Khas
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Aras 5, Blok F1, Kompleks F, No.2
Lebuh Perdana Timur A, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 W.P.PUTRAJAYA

2. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengambilan
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Aras 4, Blok F1, Kompleks F, No.2
Lebuh Perdana Timur A, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 W.P.PUTRAJAYA

3. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengambilan
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
Aras 1-4, Blok F9, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 W.P.PUTRAJAYA

4. Pengarah
Bahagian Modal Insan
Jabatan Perkhidmatan Awam
Aras 2 - 4, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 W.P.PUTRAJAYA

5. Pengarah
Bahagian Education Malaysia
Jabatan Pendidikan Tinggi
Aras 4, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 W.P.PUTRAJAYA